



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



SIARAN MEDIA

PAM 2026 DI KKSAB RAI WARGA POLYCC DAN KOMUNITI SABAK BERNAM

SABAK BERNAM, 14 FEBRUARI 2026 - Program Aspirasi MADANI 2026 (PAM 2026) anjuran Kolej Komuniti Sabak Bernam dengan kerjasama PUSPANITA Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) berjaya menghimpunkan warga POLYCC dan komuniti Sabak Bernam melalui Aktiviti Lenggang Lenggok Rentak Desa dan Majlis Perasmian Penutup Program Back to School bertempat di Kolej Komuniti Sabak Bernam.

Program ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Dr Anesee bin Ibrahim; Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (KPPK), Dr Shamsuri bin Abdullah dan barisan Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) khususnya dari Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Program ini bukan sahaja menghimpunkan warga POLYCC dalam satu majlis perasmian malah mendapat perhatian dan sokongan daripada komuniti melalui Aktiviti Lenggang Lenggok Rentas Desa dengan berjalan mengelilingi kampung sekitar kolej. Program ini sekaligus melonjakkan inisiatif kerajaan tempatan untuk mendekatkan komuniti dengan institusi pendidikan tinggi di daerah ini.

Seusai itu, program diteruskan dengan Majlis Perasmian Penutup Program Back to School bagi meraikan 68 warga Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) terdiri daripada anak-anak staf dan pelajar-pelajar POLYCC.

Turut berlangsung ialah penyerahan simbolik sumbangan Yayasan Selangor melalui Selangor Internship Student Programme 2026 bernilai RM11,000 kepada wakil pelajar Kolej Komuniti Sabak Bernam yang sedang menjalani latihan Work Based Learning (WBL) di Gamuda Engineering Sdn. Bhd. dan penyerahan sumbangan dua unit penghawa dingin daripada Persatuan Alumni Kolej Komuniti Sabak Bernam untuk ruang rehat pelajar Kolej Komuniti Sabak Bernam.

Program Back To School merupakan antara inisiatif tahunan di bawah Program Prihatin PUSPANITA Cawangan Kecil JPPKK sebagai platform kebajikan berterusan bagi membantu meringankan beban persediaan persekolahan anak-anak warga

POLYCC dan pelajar POLYCC khususnya daripada golongan asnaf dan keluarga berpendapatan rendah.

Datuk Anesee berkata dalam ucapan perasmian, “Kita tidak mahu ada pelajar yang terpaksa melupakan impian hanya kerana kekangan kewangan. Kita juga tidak mahu ada bakat yang terhenti di pertengahan jalan hanya kerana kurang sokongan. Inilah semangat Malaysia Madani, pendidikan perlu menyantuni dan membuka ruang untuk setiap anak bangsa melangkah lebih jauh.”

Beliau turut dibawa melawat fasiliti kolej yang menawarkan empat (4) bidang pengajian TVET dalam Diploma Teknologi Senibina, Sijil Fesyen dan Pakaian, Sijil Teknologi Pemprosesan Makanan serta Sijil Teknologi Elektrik.

Penganjuran program pada hari ini juga membawa satu tujuan yang lebih besar, iaitu memberikan pendedahan serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan dan fungsi Kolej Komuniti sebagai institusi pendidikan dan latihan kemahiran yang inklusif, dengan pelaksanaan program pengajian sepenuh masa dan kursus jangka pendek termasuk program Micro Credential bagi meningkatkan kemahiran yang fleksibel, praktikal serta memenuhi keperluan industri semasa.

Sebagai makluman, terdapat dua (2) institusi pendidikan POLYCC di Daerah Sabak Bernam iaitu Kolej Komuniti Sabak Bernam yang terletak di pekan Sabak sementara Politeknik Sultan Idris Shah di Sungai Lang, Sungai Air Tawar Selangor.

-TAMAT-

**Unit Komunikasi Korporat
Kolej Komuniti Sabak Bernam
Kementerian Pendidikan Tinggi**

Untuk maklumat lanjut berhubung siaran media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat di talian 013-5227517. Terima kasih.

Kit media boleh diperoleh melalui pautan berikut:

https://drive.google.com/drive/folders/1qIJ-QrLe769RCF_cJYoFqevWa-c4AUx6?usp=sharing